

Dr. Mahathir tetap mahu PPSMI

UM - 16/12/2020 m/s: 5

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dilihat masih mengimpikan pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) dikembalikan dalam sistem pendidikan negara.

Beliau berkata, oleh kerana bidang sains dan matematik berubah-ubah, pembelajaran dalam bahasa Melayu yang memerlukan penterjemahan berhadapan pelbagai kesukaran.

Katanya, negara juga tidak mempunyai tenaga kerja yang cukup untuk menterjemah beri-

kutan proses itu memerlukan pakar sains yang mahir dalam kedua-dua bahasa.

“Zaman ini ilmu sains dan matematik adalah penting. Ilmu-ilmu ini tidak statik tetapi berubah-ubah sepanjang masa mengikut hasil kajian yang dibuat oleh para penyelidik yang hampir semuanya dalam bahasa Inggeris.

“Menterjemah ke dalam bahasa kebangsaan memerlukan pakar sains yang terpelajar serta fasih dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Oleh kerana ilmu-ilmu baru ini amat banyak dan luas,

penterjemahan memerlukan ramai pakar sains dalam bahasa berkenaan,” katanya ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 bagi Kementerian Pendidikan di Dewan Rakyat semalam.

PPSMI diperkenal Dr. Mahathir ketika menjadi Perdana Menteri sebelum dimansuhkan pada tahun 2012.

Selepas kemenangan Pakatan Harapan (PH) pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), terdapat ura-ura bahawa kerajaan ketika itu mahu memperkenalkan semula sistem berkenaan.